

15 MAC 2018

Buruh kampung kena cekup

Buruh kampung kena cekup

SABAK BERNAM - Seorang buruh kampung yang mempunyai lapan rekod penyalahgunaan dadah dicekup polis selepas didapati memiliki dadah, di Jalan Abdul Karim Selatan, Kampung Teluk Rhu, di sini, semalam.

Ketua Polis Daerah Sabak Bernam, Superintendan Nor Azmi Isa berkata, suspek berusia 40 tahun itu ditahan dalam Ops Sarang kerana memiliki dadah jenis heroin seberat 0.80 gram.

Menurutnya, selain lelaki terbabit, dua lelaki warga Indonesia dicekup kerana positif dadah jenis methamphetamine.

"Tangkapan ini dilakukan di tempat yang sama dengan suspek terbabit," katanya.

Beliau berkata, operasi itu dilaksanakan secara bersepadu antara Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) dan JSJN Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sabak Bernam.

"Operasi bermula pada jam 8 pagi itu ber-

akhir pada jam 3 petang itu turut menahan seramai lapan lelaki positif dadah jenis morfin.

"Kesemua lapan lelaki tersebut diserahkan kepada Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK) Sabak Bernam untuk tindakan lanjut," katanya.

Beliau berkata, lokasi penagihan di Kampung Teluk Rhu dipercayai menjadi lokasi baharu gejala penagihan sejak dua bulan lalu.

"Pihak kami telah menggempur lokasi terbabit dan turut membakar khemah-khemah yang didirikan penagih untuk melepaskan gian.

"Kami juga akan menggerakkan pasukan untuk membuat serbuan dalam waktu terdekat ini," katanya.

Beliau berkata, kes tangkapan terbabit disiasat mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 15(1)(a) 1952.



Sarang penagihan di Kampung Teluk Rhu, digempur pasukan polis dalam Ops Sarang, semalam.